

Sultan mahu graduan bebas ajaran sesat

Oleh Faiza Zainudin

ALOR STAR: Sultan Kedah mahu graduan Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) tidak mudah dipengaruhi ajaran kumpulan pelampau agama yang cuba menghasut mereka supaya bertindak di luar batasan undang-undang.

Sultan Abdul Halim Muadzam Shah bertitah kumpulan itu sebenarnya melampias 'perjuangan' mereka dengan mempengaruhi pelajar menerusi kegiatan militan yang boleh mengancam keamanan negara.

Baginda bertitah, graduan perlu sentiasa menjaga imej dan reputasi dengan berfikir secara rasional selain meningkatkan ilmu supaya tidak tergelincir daripada landasan yang betul.

"Agak mendukacitakan kerana pada hari ini, umat Islam dicemuh dan dilabelkan sebagai umat yang

kurang bertamadun kerana pembabitannya dengan aktiviti militan.

"Beta amatlah berharap supaya graduan Insaniah tidak mudah hanyutkan dengan ajaran yang didatangi puak pelampau agama.

"Beta percaya dengan ilmu yang ada dalam bidang agama, disokong pula dengan bidang profesional, Insaniah bukan saja melahirkan graduan yang cekap dan menguasai dasar Islam yang tinggi, malahan melahirkan Muslim yang sejati.

"Ini penting ketika negara berhadapan dengan pelbagai kekacauan, pecah amanah, rasuah dan gangsterisme yang melanda masyarakat," titah pada majlis konvokesyen keenam Insaniah di Dewan Konvokesyen Insaniah, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Timbalan Pengarah yang juga Ketua Eksekutif Insaniah, Prof Dr Sayyid Muhammad Aqiel Ali al-Mahdaly,

Seramai 511 graduan program diploma dan ijazah sarjana muda menerima sijil masing-masing daripada Sultan Kedah.

Daripada jumlah itu, 349 penerima adalah graduan diploma membabitkan jurusan Usuluddin seramai 91 orang, Syariah (95), Bahasa Arab (54), pengurusan perniagaan (40), perakaunan (33) dan teknologi maklumat 32 dan Tahfiz al-Quran (empat).

Sementara itu, 162 graduan program ijazah sarjana muda membabitkan program Usuluddin seramai 57 orang, Syariah (72) dan bahasa Arab (33).

Tiga graduan dipilih pelajar terbaik program masing-masing kerana pencapaian cemerlang dalam akademik dan aktiviti keseluruhan termasuk kokurikulum.

Penerima Pingat Emas dimenangi oleh pelajar program ijazah sarjana muda Pengajian Islam, Murni Johari @ Ni, 23, yang menerima wang tunai



MURNI menunjukkan Pingat Emas yang dianugerahkan oleh Sultan Kedah pada Majlis Konvokesyen Insaniah. - Gambar oleh Rahmat Othman

RM1,000, sijil peribadi Sultan Kedah dan buku bernilai RM300.

Sementara pingat perak dimenangi pelajar terbaik program Diploma Pengajian Islam, Taufik Ismail, 22, yang menerima wang tunai RM400, sijil sumbangan Pengarah Insaniah dan buku bernilai RM300.

Pingat gangsa pula dimenangi oleh pelajar terbaik program Diploma Pengajian Islam, Shafinah Farvin Packer Mohd, 20, sekali gus melayakan beliau menerima wang tunai RM500, sijil peribadi Sultan